Lee Min Foong dan Rio Sumarni Shariffudin (2001) telah melakukan kajian yang bertujuan untuk mengkaji gaya pembelajaran pelajar dan gaya pengajaran guru di sekolah menengah di kawasan Skudai, daerah Johor Bahru. Kajian ini melibatkan 120 orang responden dari dua buah sekolah di Skudai, daerah Johor Bahru. Instrumen kajian yang digunakan adalah inventori yang direka oleh David A.Kolb setelah diubahsuaikan dan disahkan dengan Formula Spearman Brown untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen. Kajian menunjukkan 21.5% pelajar adalah dari jenis gaya pembelajaran pengalaman konkrit (*concrete experience*), 24.3% dari gaya pembelajaran pemerhatian reflektif (*reflective observation*), 29.9% dari gaya pembelajaran pengkonsepsian abstrak (*abstract conceptualization*) dan 24.3% dari gaya pembelajaran pengujikajian aktif (*active experimentation*). Perbandingan antara pelajar lemah dan pelajar cemerlang pula, didapati pelajar lemah lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengamalkan gaya pembelajaran pengujikajian aktif, pelajar cemerlang pula lebih mengamalkan gaya pembelajaran pengkonsepsian abstrak.

Kajian mendapati tiada perbezaan gaya pembelajaran antara pelajar lelaki dan perempuan. Kajian menunjukkan gaya pengajaran guru 25% adalah dari gaya pengajaran pengalaman konkrit, 25% dari gaya pengajaran pemerhatian reflektif, 41.67% dari gaya pengajaran pengkonsepsian abstrak dan 8.33% dari gaya pengajaran pengujikajian aktif. Kajian juga menunjukkan tiada perbezaan gaya pengajaran antara guru dari segi jantina dan pengalaman mengajar. Berdasarkan Grid Jenis Gaya Pengajaran dan Grid Jenis Gaya Pembelajaran, kebanyakan guru dan pelajar lebih cenderung kepada jenis gaya *diverger* iaitu masing-masing 54.17% dan 31%. Pendedahan guru kepada pengetahuan gaya pembelajaran dan bagaimana menyesuaikan gaya pengajaran diri dengan gaya pembelajaran pelajar adalah penting disebabkan kecenderungan gaya pembelajaran memberi kesan yang positif atau negatif ke atas pencapaian pelajar.

Kajian ini mencadangkan supaya guru-guru dan para pelajar perlu didedah kepada pengetahuan gaya pembelajaran supaya wujudnya keseimbangan antara pembelajaran pelajar dengan pengajaran guru. Pengetahuan tentang gaya pembelajaran pelajar dan gaya pengajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penting bagi guru untuk memilih pendekatan pengajaran dan aktiviti yang sesuai, merangsangkan kreativiti, motivasi dan penyertaan pelajar secara aktif semasa menimba pengalaman baru. Ia juga turut mencungkil potensi dan memaksimumkan kekuatan pelajar. Para pelajar perlu didedahkan pengetahuan gaya pembelajaran supaya mereka lebih mengenali kekuatan dan kelemahan diri dalam pembelajaran di samping dipimpin ke arah kerjaya yang bersesuaian dengan kecenderungan mereka. Apabila pelajar menerima konsep bahawa pembelajaran itu penting, mereka akan mula memegang falsafah pembelajaran sepanjang hayat (*life long learning*) untuk kerjaya dan peningkatan kendiri mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Chee Kim Mang (2002) telah menjalankan kajian bertujuan untuk mengkaji jenis-jenis pendekatan pembelajaran (mendalam, pencapaian dan permukaan) yang digunakan oleh pelajar-pelajar Ekonomi USM dan corak perkaitan di antara jenis-jenis pendekatan pembelajaran dengan pencapaian literasi Ekonomi dan sikap terhadap Ekonomi. Sampel kajian ini terdiri daripada seramai 133 orang pelajar Ekonomi tahun kedua Universiti Sains Malaysia. Kaedah tinjauan digunakan di mana pelajar-pelajar tersebut ditadbirkan melalui soalselidik Inventori Pendekatan Pembelajaran (ASI) yang ringkas, Sikap Terhadap Disiplin Ekonomi (ATE) dan Ujian Literasi Ekonomi (TEL).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis awal data menunjukkan ketiga-tiga instrumen tersebut mempunyai kebolehpercayaan alpha yang tinggi. Seterusnya ketiga-tiga konstruk pendekatan pembelajaran yang diukur oleh instrumen ASI dapat dikesan oleh analisis faktor dan menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran merupakan satu konstruk multi dimensi. Keputusan juga menunjukkan pendekatan pencapaian merupakan pendekatan yang dominan digunakan oleh para pelajar Ekonomi USM. Pendekatan pencapaian ini berkait rapat dengan pendekatan mendalam dan dilaporkan dapat memupuk sikap terhadap Ekonomi yang lebih positif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Misnan Jemali, Ibrahim Hashim, Ahmad Yunus Kasim, dan Mohamad Nasir Bistamam (2001), telah menjalankan kajian mengenai hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik kursus Tamadun Islam di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim. Kajian yang dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti punca masalah, terutama gaya pembelajaran pelajar dalam kursus Tamadun Islam dan untuk melihat hubungan intra gaya pembelajaran dan seterusnya menentukan hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian kursus Tamadun Islam. Selain dari itu ia juga bertujuan melihat perbezaan gaya pembelajaran antara pelajar cemerlang dan pelajar lemah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan semasa yang melibatkan 500 pelajar semester 2 Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim. Maklumat kajian didapati melalui satu set soal selidik yang terdiri daripada dua bahagian. bahagian pertama mengandungi item-item tentang profil responden, iaitu jantina, etnik, lokasi (asrama atau menginap di luar) dan juga gred keputusan Tamadun Islam 1 (TITAS 1) semasa semester pertama. Manakala bahagian kedua terdiri daripada 21 item yang mengukur tiga stail pembelajaran, iaitu stail motivasi (7 item), stail perbincangan (7 item) dan stail ketekunan (7 item). Alat disesuaikan daripada Inventori Pembelajaran Peringkat Sekolah (*The Studying at School Inventory*) *yang* dibina oleh Selmes. Item-item ini diterjemahkan oleh kumpulan penyelidik dan disesuaikan mengikut kursus yang dikaji.

Dari segi gaya pembelajaran dan hubungannya dengan pencapaian hasil analisis menunjukkan pelajar-pelajar UPSI menggunakan ke tiga-tiga stail pembelajaran secara sederhana, iaitu stail motivasi , stail perbincangan dan stail ketekunan. Dari segi hubungan intra gaya pembelajaran menunjukkan hubungan linear positif wujud antara motivasi dengan ketekunan. Dari segi perbezaan gaya pembelajaran mengikut pencapaian kajian ini mendapati pelajar pandai lebih menggunakan pendekatan motivasi dan ketekunan, manakala kurang menggunakan kaedah perbincangan antara pelajar terutama dalam membuat kerja kursus dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kumpulan. Bagi pelajar pandai mereka bijak dalam memberikan tumpuan kepada isi-isi penting pelajaran, merangka jawapan dan dapat mengaitkan antara fakta yang dibaca dan diulangkaji. Manakala pelajar lemah mereka kurang motivasi dan kebanyakan mereka mengulangkaji apabila mendapat arahan pensyarah.

Kajian ini telah mencadangkan kepentingan faktor motivasi sebagai penentu kepada kaedah pembelajaran yang akhirnya menentukan pencapaian. Disamping itu ia juga memberi saranan kepada pensyarah tentang kaedah dan teknik pembelajaran yang berkesan serta mendapat keputusan cemerlang dalam kursus. Kajian ini menunjukkan bahawa kebijaksanaan pelajar dalam menentukan gaya pembelajaran akan menentukan pencapaian. Pelajar yang cemerlang mempunyai motivasi yang tinggi dan bersikap positif terhadap kursus yang dipelajari.

Zol Bahri Razali (2003) telah menjalankan kajian yang bercorak pembinaan dan pengujian iaitu menghurai, mereka bentuk dan menguji rintis koswer Pembelajaran Berbantu Multimedia yang dibina, seterusnya menguji keberkesanan pembelajaran pelajar setelah menggunakan koswer sebagai bahan pembelajaran topik Elektro-pneumatik. Tujuan utama kajian adalah mengkaji kesan penggunaan koswer Pembelajaran Berbantu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Multimedia berasaskan animasi dalam pembelajaran topik Elektro-pneumatik bagi pelajar yang berbeza gaya kognitif dan motivasi diri.

Penyelidikan ini cuba menjawab soalan samada terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pencapaian keseluruhan pembelajaran di antara pelajar bergaya kognitif FI dan FD, bergaya efektif MR dan MT serta gabungan iaitu FIMR, FIMT, FDMR dan FDMT dalam mempelajari topik Elektro-pneumatik menggunakan koswer Pembelajaran Berbantu Multimedia sebagai bahan pembelajaran yang dipelajari secara bersendirian. Penyelidikan juga ingin mengenalpasti kumpulan pelajar mana yang akan menerima kesan yang besar apabila menggunakan bahan pembelajaran ini. Kaedah penyelidikan yang dijalankan menggunakan reka bentuk kumpulan kawalan pra ujian-pasca ujian dengan reka bentuk faktorial 2 x 2.

Bagi melaksanakan penyelidikan ini, penyelidik menjalankan kajian ke atas 120 orang pelajar sebagai sampel yang dipilih secara rawak. Populasi penyelidikan adalah semua pelajar Semester 5, kursus Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Am), Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Penyamanan Udara) dan Diploma Mekatronik di Politeknik Ungku Omar, Ipoh. Kesemua sampel yang dipilih secara rawak dipisahkan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan pelajar '*field-dependence (FD)*' dan '*field-*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

independence (FI)' berdasarkan ujian '*Group Embedded Figure Test (GEFT)*'. Kemudian, kumpulan pelajar FD dan FI dipisahkan pula kepada kumpulan pelajar bermotivasi diri tinggi (MT) dan bermotivasi diri rendah (MR) berdasarkan soal selidik 'Tanggungjawab Terhadap Pencapaian Intelek' yang dibina oleh Maznah & Ng pada tahun 1985). Reka bentuk pengajaran yang dilaksanakan dalam pembinaan Pembelajaran Berbantukan Multimedia adalah berasaskan model Dick dan Carey.

Kesemua sampel yang terlibat akan diajar topik Elektro-pneumatik secara kuliah sebelum diberikan rawatan dan menjalani ujian pra, bagi memastikan mereka memperolehi asas pembelajaran yang sama. Kemudian kesemua sampel akan menjalani rawatan iaitu pembelajaran secara menggunakan Perisian Berbantukan Multimedia. Kesemua sampel bebas belajar dalam masa sendiri untuk jangka masa selama satu minggu sebelum ujian pencapaian dan ujian pasca.

Dapatan menunjukkan penggunaan Pembelajaran Berbantu Multimedia telah memberikan perbezaan yang signifikan dalam pencapaian. Bagi setiap ujian pra dan pasca, pelajar bergaya kognitif FI dan bermotivasi dalaman tinggi (MT) memperolehi min skor yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, pencapaian keseluruhan (skor ujian pra - skor ujian pasca) menunjukkan hasil yang berlawanan iaitu min pencapaian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keseluruhan pelajar FD dan MR serta gabungannya lebih besar. Ini menunjukkan setelah olahan dilakukan, pelajar FD dan MR memperolehi peningkatan yang lebih besar. Oleh itu secara keseluruhan, didapati pelajar bergaya kognitif FD dan pelajar bermotivasi dalaman rendah (MR) serta gabungannya mempunyai pencapaian keseluruhan yang lebih besar dan lebih positif.

Chan Foong Mae (2000), telah menjalankan kajian mengenai penggunaan pelbagai strategi dalam pengajaran dan pembelajaran untuk pelbagai gaya pembelajaran bagi bilik darjah terbeza. Faktor yang dilihat ialah pelbagai amalan pengajaran-pembelajaran yang mengambil kira kepelbagaian gaya pembelajaran, keperluan pembelajaran dan minat murid. Kaedah kajian yang dijalankan ialah secara etnografi. Dalam kajian ini beberapa garis panduan telah dicadangkan untuk membantu guru yang berminat mewujudkan suasana pengajaran yang memenuhi pelbagai gaya pembelajaran, minat dan aras kesediaan murid. Pengkaji juga membincangkan beberapa strategi untuk mempelbagaikan pengajaran-pembelajaran, bahan pengajaran-pembelajaran yang sesuai, dan beberapa contoh mengintegrasikan gaya pembelajaran dalam bahan pengajaran-pembelajaran. Pengkaji juga mencadangkan sistem sokongan untuk membantu guru menguruskan pengajaran-pembelajaran yang dipelbagaikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan guru telah mempelbagaikan pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru yang dikaji juga berusaha memastikan murid-murid mempunyai pelbagai kadar gaya pembelajaran. Pengkaji juga telah menggariskan beberapa panduan bagi guru yang ingin mewujudkan bilik darjah terbeza. Antaranya ialah pengkajian terhadap falsafah individu dan penentuan matlamat diri sendiri.

2.2 Kajian gaya pembelajaran di luar negara

Dan Jensen dan Kristin Wood (1997) telah menjalankan kajian dalam projek kerjasama antara Akademi Tentera Udara Amerika Syarikat atau *U.S. Air Force Academy (USAFA)* dan University of Texas di Austin (UTA) mengenai penggunaan kaedah gaya pembelajaran bagi meningkatkan kurikulum Kejuruteraan Mekanikal.

Instrumen gaya pembelajaran yang digunakan ialah *Myres Briggs Type Indicator (MBTI)* dan VARK. Empat model proses pembelajaran juga digunakan iaitu Kolb, Taksonomi Bloom, *Scafffolding*, dan *Inductive/Deductive*). Projek kajian ini memfokuskan kepada kaedah rekabentuk kursus bagi pelajar sarjana muda.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat tiga objektif projek kajian tersebut. Pertamanya ialah untuk membentuk formula bagi kandungan kursus yang sesuai dengan kepelbagaian gaya pembelajaran pelajar. Kedua, ialah penggunaan *hands-on* dan bahan multimedia yang sesuai dengan teori gaya pembelajaran bagi meningkatkan mutu pengajaran dan motivasi pelajar. Ketiga ialah penggunaan gaya pembelajaran untuk meningkatkan komunikasi antara kumpulan.

Keseluruhan dapatan menunjukkan terdapat peningkatan dalam keberkesanan bagi kursus. Terdapat pertambahan yang signifikan dalam pangkatan pelajar bagi kedua-dua kelas iaitu USAFA dan UTA. Ujian yang dijalankan menunjukkan penambahan kandungan *hands-on* dan multimedia telah meningkatkan motivasi dan minat secara signifikan. Terdapat juga peningkatan yang signifikan dari segi tahap komunikasi kumpulan. Kajian ini mencadangkan teknik pengajaran dan pembelajaran perlu digunakan dalam kurikulum dan pengajaran.

Alina Zapalska dan Helen Dabb (1999), telah menjalankan kajian eksperimen terhadap gaya pembelajaran pelajar dalam bahagian yang berlainan bagi kursus perniagaan-ekonomi di Marshall University (MU), Huntington, West Virginia, dan Aucklang Institute of Technology (AIT), Auckland, New Zealand. Kajian yang dijalankan melihat kepada beberapa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

isu dari segi perbezaan dalam gaya pembelajaran, gaya pembelajaran yang biasa dipilih oleh pelajar, perbezaan jantina dalam menentukan gaya pembelajaran dan cara untuk meningkatkan kualiti pengajaran melalui kajian terhadap gaya pembelajaran. Instrumen VARK telah digunakan dalam kajian ini. Sebanyak 6 kelas dari Amerika Syarikat dan New Zealand telah digunakan sebagai sampel kajian yang melibatkan 173 orang.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar Amerika Syarikat dan New Zealand dari segi gaya pembelajaran. Terdapat bukti bahawa faktor seperti saiz kelas dan program ujian menyumbang kepada pembangunan gaya pembelajaran. Ujian yang diberikan adalah berbentuk tugasan bertulis, ujian bertulis, ujian lisan, tugasan kumpulan dan persembahan tugasan. Kajian dari segi jantina pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan dalam gaya pembelajaran. Hasil dari dapatan kajian menunjukkan berberapa faktor penting yang kenalpasti dalam amalan pengajaran. Pertamanya, pembelajaran lebih berkesan jika saiz kelas adalah kecil dan persekitaran adalah selesa. Ini disebabkan terdapat hubungan yang lebih erat antara pelajar dan guru. Kajian ini mencadangkan penggunaan kaedah yang sesuai dengan gaya pembelajaran pelajar. Contohnya jika pelajar adalah dari jenis Aural maka pengajaran dilakukan secara lisan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Denice Byrne (2002) telah melakukan kajian untuk melihat hubungan antara gaya pembelajaran individu dengan sumber pembelajaran multimedia secara *online*. Subjek kajian terdiri daripada 67 orang pelajar tahap tiga di School of Computer Applications, Dublin City University, Ireland. Soalselidik VARK dan *Index of Learning Styles (ILS)* telah digunakan bagi mengenalpasti gaya pembelajaran.

Keputusan kajian Denice Byrne (2002) mendapati wujud hubungan yang signifikan diantara gaya pembelajaran dan ciri-ciri persembahan multimedia yang dipilih apabila gaya pembelajaran dikenalpasti dengan menggunakan soalselidik VARK. Bagaimanapun bagi gaya pembelajaran yang dikenalpasti dengan menggunakan soal selidik *Index of Learning Styles (ILS)* tidak wujud hubungan yang signifikan diantara gaya pembelajaran dan ciri-ciri persembahan multimedia yang dipilih. Perbandingan yang dijalankan juga menunjukkan tidak ada perubahan yang signifikan pada sisihan piawai walaupun terdapat pengurangan pada varian bagi skor kumpulan pasca ujian.

Dalam kajiannya Denice Byrne (2002) membuat beberapa cadangan untuk kajian masa hadapan. Antaranya ialah penggunaan instrumen gaya pembelajaran yang hanya berdasarkan satu kategori dan sesuai dengan model pengajaran dan persekitaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Chrysante Demetry (2002) dalam kajiannya cuba melihat bagaimana pelajar dengan berbagai gaya pembelajaran mendapat pengalaman dan persembahan dalam dlam subjek pengenalan kepada bahan bagi kursus sains. Analisa yang dilakukan menggunakan instrumen MTBI dan VARK bagi mengenalpasti aspek rekabentuk instruksional yang berkesan. Projek kajian ini bertujuan mengenalpasti sama ada rekabentuk instruksional yang digunakan benar-benar berfungsi untuk berbagai gaya pembelajaran pelajar. Ia juga bertujuan mengenalpasti sama ada pelajar tertentu meningkat pembelajarannya , tekun, dan berasa seronok pada bahan pengajaran. Kajian ini menggunakan berbagai amalan dan teori pembelajaran berdasarkan teknik pembelajaran secara aktif dan koperatif digabungkan dengan syarahan secara tradisional dan campuran kaedah penilaian. Kelas yang dijalankan menggunakan aktiviti seperti *short mini-lectures*, kaedah penyelesaian masalah "*think-pair-share*", animasi, persembahan dan "*show and tell*". Penilaian yang dijalankan pula adalah menggunakan *Classroom Perfomance System* (CPS) iaitu satu teknologi undian atau mekanisme maklumbalas segera dimana pelajar akan mengklik pada respon bagi soalan dan melihat keputusan berasaskan paparan grafik. Kajian ini menggunakan sample 68 orang pelajar dan model inventori VARK pada permulaan kursus. Bagi 42 pelajar pula inventori yang diigunakan ialah *Myres-Briggs Type Indicator (MBTI)*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pangkatan bagi penggunaan CPS adalah tinggi setelah pelajar didedahkan dengan pembelajaran secara berfikir dan aktif (*thinking and active learning*). Bagaimanapun tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya VARK atau MTBI.

W. A. Janvier dan Claude Ghaoui (2002), membuat kajian bagi melihat hubungan antara pilihan komunikasi dan gaya pembelajaran dalam aspek HCI. Pengkaji tersebut menggunakan *intelligent distance learning tool*. Model VARK dan MTBI digunakan bagi mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar. Oleh kerana kajian ini memakan masa yang panjang dan agak kompleks oleh itu dapatannya belum diperolehi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Professor Bozidar Klicek, Dr Marijana Zekic Susac, dan J.J. Strossmayer (2001) telah melakukan kajian terhadap berbagai integrasi berbagai teori gaya pembelajaran disamping menyemak berbagai teori mengenai gaya pembelajaran. Berbagai teori pembelajaran telah diselidik termasuklah *Kolb's Experimental Model*, *Multiple Intelligences*, *Myers-Briggs Type Indicator*, *Visual-Auditory-Kinesthetic Model*, *VARK Learning Styles Inventory*, *Modality Strengths Model*, *Learning Styles Inventory*, dan *Index of Learning Styles (ILS)*. Satu kumpulan pelajar yang sama telah diuji menggunakan soal selidik gaya pembelajaran berbagai piawai, dan ditambah dengan soal selidik tambahan mengenai berbagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teknologi yang menyokong pembelajaran. Selepas itu sistem pendidikan multimedia berasaskan Web telah digunakan. Sistem ini berdasarkan kepada *semantic network learners model*, teknologi multimedia dan Web (animasi, teks, bunyi, visual, kandungan, video, forum dan chat, ujian pengetahuan, dan sebagainya.), sokongan guru, dan sistem pemantauan laporan proses pembelajaran.

Dapatan dari kajian tersebut menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang saling bersandar antara gaya pembelajaran dan teknologi yang menjadi pilihan. Dalam kajian ini mereka mencadangkan mengenai pentingnya proses pembelajaran dan penggunaan teknologi yang menyokong setiap gaya pembelajaran.

Rod St Hill (2002), membuat kajian mengenai hubungan antara salah satu dari ciri gaya pembelajaran iaitu pilihan modal dengan strategi pengajaran. Kajian ini dijalankan dalam subjek *Macroeconomics for Business and Government.* Pengkaji melakukan kajian bagi mencari satu kaedah mengatasi kemerosotan pencapaian dalam subjek berkenaan. Suatu pakej pembelajaran telah dibangunkan untuk digunakan oleh pelajar dengan mengambil kira gaya pembelajaran pelajar atau pilihan modal. Model VARK telah digunakan bagi mengukur gaya pembelajaran pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian menunjukkan adaptasi pendekatan pilihan modal didalam pengajaran menunjukkan kesan yang menggalakkan. Pertamanya, hasil pembelajaran yang diharapkan serta pengalaman pembelajaran pelajar telah meningkat. Kesimpulan kajian tersebut menunjukkan bahawa walaupun pendekatan pilihan modal hanya berasaskan satu dimensi dari gaya pembelajaran, tetapi ia amat berguna sebagai asas rekabentuk dan penyampaian subjek.

2.3 Kesimpulan kajian literatur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Beberapa kajian mengenai gaya pembelajaran pelajar telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji terdahulu sama ada di dalam atau di luar negara. Namun begitu kajian mengenai gaya pembelajaran amatlah kurang dilakukan oleh pengkaji tempatan. Pengkajian hanya giat dijalankan di luar negara khasnya negara barat. Melalui kajian-kajian lepas juga didapati gaya pembelajaran banyak dikaitkan dengan pembolehubah lain. Pengkaji-pengkaji yang mengkaji gaya pembelajaran berdasarkan satu ciri pilihan amatlah kurang.

Kajian-kajian yang telah dijalankan menggunakan berbagai pembolehubah serta sering menggunakan dimensi-dimensi yang berubah-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ubah. Inventori yang digunakan bagi mengukur gaya pembelajaran juga bercampur aduk antara satu sama lain. Istilah gaya pembelajaran juga tidak dioperasionalkan berdasarkan kepada pendapat yang tetap. Kebanyakan kajian yang dijalankan diluar negara mengenai hubungan antara gaya pembelajaran dan pencapaian telah memperlihatkan keasn yang signifikan pada keseluruhannya. Namun begitu kajian di dalam negara masih lagi samar. Kebanyakannya hanya berbentuk tinjauan serta tidak mencadangkan garis panduan bagi pembelajaran. Kekurangan-kekurangan yang terdapat mendorong penulis untuk membuat kajian seumpama ini dengan melihat perkaitan dan hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian pelajar. Seterusnya oleh kerana berdasarkan kajian dari barat yang mengatakan bahawa gaya pembelajaran adalah sesuatu yang penting dalam proses pembelajaran, maka aspek gaya pembelajaran harus diberi tumpuan bagi meningkatkan pencapaian dan ketrampilan pelajar-pelajar di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI

Pengenalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini membincangkan mengenai rekabentuk kajian yang digunakan, tempat kajian, populasi, alat kajian, soalan ujian, kesahan dan kebolehpercayaan dan tatacara kajian. Perbincangan seterusnya adalah mengenai had kajian dan ujian statistik yang digunakan.

3.1 Rekabentuk kajian

Rekabentuk kajian yang digunakan ialah rekabentuk eksperimental. Rekabentuk ini dipilih kerana mengikut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999), ia sesuai untuk melihat kesan sesuatu pembolehubah terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembolehubah yang lain. Rekabentuk ini merujuk kepada eksperimen penyelidik untuk menyiasat hubungan sebab dan kesan dengan menggunakan Rekabentuk Dua Kumpulan. Kedua-dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimen (*n=15*) dan kumpulan kawalan (*n=15*) terdiri dari kelas yang sama. Penyelidik akan membandingkan kumpulan berkenaan dari sudut perubahan nilai pembolehubah bersandar menggunakan Ujian Pra dan Ujian Pasca. Kumpulan kawalan yang digunakan dalam ekperimen ini dipilih secara rawak. Kumpulan yang digunakan ialah kumpulan sampel yang tidak berkait.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rekabentuk Dua Kumpulan dipilih kerana jika penyelidik menggunakan Rekabentuk Satu Kumpulan, kumpulan kawalan tidak wujud walaupun sampel menjadi lebih besar. Oleh itu kewibawaan dapatan kajian adalah lemah. Penyelidik menyedari bahawa penggunaan Rekabentuk Dua Kumpulan akan menyebabkan jumlah sampel menjadi terlalu kecil. Oleh itu ralat akan menjadi tinggi dan berlaku turun naik yang besar dalam pengiraan. Tetapi Rekabentuk ini adalah yang paling sesuai kerana faktor kekangan dari segi masa. Dalam konteks kajian ini pendapat Tuckman (1979) berkenaan dengan saiz sampel diterima pakai.

Dalam rekabentuk ini Ujian-Pra dan Ujian-Pasca akan digunakan. Rekabentuk melibatkan pengukuran pembolehubah bersandar sebanyak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dua kali iaitu sebelum dan selepas pengukuran skor inventori gaya pembelajaran. Notasinya adalah seperti dalam jadual 3.1.

Jadual 3.1

Notasi rekabentuk kajian

Kumpulan eksperimen	T_1	X	T_2
Kumpulan kawalan	T_1		T_2

Nota: T_1 : Ujian Pra

T_2 : Ujian Pasca

X : Olahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perubahan pembolehubah akan ditentukan menerusi perbandingan antara T_2. Perbezaan nilai antara T_2 akan diuji dengan menggunakan "ujian-t" jika taburan adalah normal. Penyelidik akan mendapatkan maklumat tentang pencapaian sebenar pelajar sebelum penggunaan kaedah persembahan pengajaran berasaskan multimedia dengan berdasarkan min.

Pengukuran akan dilakukan sekali sebelum pengajaran dan sekali selepas pengajaran. Seterusnya penyelidik juga akan melihat hubungan antara gaya pembelajaran dengan persembahan multimedia yang dipilih. Seterusnya perbandingan antara unit analisis boleh:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Mengesan pengaruh atau perubahan atau kejadian disebabkan penggunaan persembahan multimedia yang berdasarkan gaya pembelajaran pelajar,
b) Mengawal atau mengenepikan faktor atau pembolehubah yang mengelirukan supaya hasil penyelidikan lebih sahih.

Dalam kajian ini pembolehubah luar iaitu faktor kebolehan awal tidak akan dikaji tetapi akan dikawal. Dengan itu kebolehan sebelum pelajar didedahkan dengan bahan pengajaran akan diperhatikan dikaji supaya tidak mempengaruhi prestasi dalam Ujian-Pasca. Disamping itu penyelidik juga akan berhati-hati supaya tidak terdapat gangguan dalam dapatan akibat kesan daripada pembolehubah luar yang tidak terkawal.

Penyelidik juga mungkin akan membuat andaian bahawa pembolehubah luar adalah pembolehubah yang tidak terkawal. Rekabentuk penyelidikan akan dipastikan memenuhi syarat ini melalui penyediaan sampel yang sama dengan menggunakan sampel terkawal. Pembolehubah luar yang dijangka mempengaruhi dapatan ialah latarbelakang akademik. Sehubungan dengan itu penyelidik mungkin akan menyediakan kumpulan sampel yang mempunyai latarbelakang akademik yang sama. Kelayakan akademik mungkin boleh dicirikan sebagai prestasi akademik sahaja dan bukannya tatakerja. Penyelidik juga akan memastikan situasi pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk pelajar adalah sama. Untuk lebih berhati-hati penyelidik akan menyenaraikan dengan tepat semua pembolehubah melalui definisi dan operasionalisasi semasa perancangan awal penyelidikan bagi mengelak masalah dalam analisis dan kesimpulan nanti. Pembolehubah luar yang dikenalpasti ialah seperti dalam jadual 3.2.

Jadual 3.2

Pembolehubah Kajian

Pembolehubah Luar	Pembolehubah Tak Bersandar	Pembolehubah Bersandar
Masalah belajar Latarbelakang akademik Latarbelakang tempat tinggal Sokongan Tingkat kecerdasan Tahap kemampuan pelajar Kemahiran Penampilan Tabiat belajar Pengetahuan sedia ada	Gaya pembelajaran Perisian multimedia	Skor ujian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2 (Sambungan)

Pembolehubah Luar	Pembolehubah Tak Bersandar	Pembolehubah Bersandar
Umur Jantina Sikap Kelas Taaf sosio ekonomi Sejarah Kematangan Bakat semulajadi Kerajinan Kecenderungan Sikap Minat Motivasi Aras kesediaan Persekitaran sosial dan fizikal	Gaya pembelajaran· Perisian multimedia	Skor ujian


Model yang lebih jelas bagi Rekabentuk Dua Kumpulan adalah seperti di rajah 3.1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.1

Model Rekabentuk Eksperimental Dua Kumpulan



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhirnya, bagi mengelakkan *social desirability effects* dan *bias*, pengkaji tidak akan mengajar dalam kedua-dua topik yang diuji. Pensyarah dari Institut Teknologi Cosmopoint akan mengajar pelajar berikut.

3.2 Tempat kajian

Kajian ini dijalankan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang terletak di Klang, Selangor. Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang dimaksudkan ialah Kolej Teknologi Cosmopoint Cawangan Klang, Selangor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemilihan lokasi ini dibuat kerana institusi tersebut memenuhi segala tuntutan, keperluan dan kehendak kajian. Penyelidik memilih lokasi ini kerana ia sesuai dengan subjek yang hendak dikaji. Ini membolehkan kajian dapat dijalankan dengan berkesan. Seterusnya lokasi penyelidikan berhampiran dengan tempat tinggal penyelidik. Oleh itu penyelidikan akan menjadi lebih mudah dengan kos yang lebih rendah. Kelulusan menjalankan penyelidikan mudah kerana penyelidik adalah bekas kakitangan insitusi tersebut. Urusan pengedaran dan pengumpulan semula soal selidik juga mudah kerana adanya saluran komunikasi yang baik. Pemilihan lokasi ini dibuat kerana di dalamnya terdapat populasi yang bertepatan dengan tujuan kajian dan penggunaanya dijangka dapat menjawab persoalan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Populasi kajian

Populasi kajian terdiri daripada pelajar semester tiga, tahun kedua Kursus Pengenalan kepada Senireka Grafik dari Sekolah Senireka Grafik Berkomputer di Kolej Teknologi Cosmopoint Cawangan Klang, Selangor. Jumlah populasi yang dikenalpasti dalam kajian ialah seramai 20 orang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.1 Sampel kajian

Menurut Mohd. Majid Konting (1994), penggunaan saiz sampel perlu melebihi 30 unit bagi memastikan taburan yang normal. Pertambahan saiz sampel membolehkan ianya mewakili populasi dan mengurangkan ralat persampelan. Beliau seterusnya menyatakan penyelidik perlu menganggarkan populasi pada paras keyakinan 100% kerana dengan cara ini tiada ralat persampelan yang akan berlaku (Mohd. Majid Konting 1994). Crites (1969) mengatakan saiz sampel yang kurang daripada 100 kurang sesuai kerana akan berlaku turun naik yang besar dalam pengiraan terutama apabila kajian direplikasikan. Tuckman (1979) mengatakan apabila timbul keraguan berhubung dengan saiz sampel, penyelidik seharusnya memilih sampel sebesar yang ia mampu.

Dalam konteks kajian ini, pemilihan sampel dibuat berdasarkan kepada pensampelan Seluruh Populasi dimana semua ahli digunakan. Kesemua ahli dalam populasi dipilih menjadi subjek atau responden kajian kerana saiz populasi adalah kecil iaitu 20 orang. Sampel ini diambil daripada satu kelas kerana hanya terdapat satu kelas sahaja yang mengambil subjek yang dikaji. Bilangan lelaki terdiri dari 13 orang dan perempuan 7 orang. Persampelan dilakukan secara rawak dimana setiap pelajar mempunyai kebarangkalian untuk dipilih sama ada menjadi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kumpulan eksperimen atau kumpulan kawalan. Sampel akan dibahagikan sama rata dalam dua kumpulan iaitu sebanyak 10 orang. Kedua-dua kumpulan akan diajar oleh pensyarah yang sama dari Institut Teknologi Cosmopoint.

Walaupun kajian ini menggunakan sampel yang kecil ini adalah lebih baik berbanding dengan tidak melakukan kajian. Penyelidik juga boleh memakai pedekatan baru dalam penentuan saiz sampel oleh Will G Hopkins (2001) yang mengatakan bahawa jika sampel yang digunakan kecil kita perlu mengkaji ketepatan dari segi anggaran kesan (*precision estimate of the effect*) berbanding dengan melihat kesan dari segi *statistical significance*. Seterusnya jika kewibawaan dapatan dipersoalkan maka kaedah *triangulation* mungkin boleh dilakukan bagi menyokong dapatan. Walau apa pun dapatan kajian ini berguna sebagai rujukan bagi kajian pada masa hadapan. Selain daripada itu sampel yang kecil juga memudahkan tugas penilaian ujian kerana faktor masa yang terhad.

Jadual 3.3

Saiz Sampel

Jantina	Bilangan
Lelaki	13
Perempuan	7
Jumlah keseluruhan	20

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Alat kajian

Alat kajian yang digunakan untuk pengumpulan data dalam kajian ialah soal selidik VARK, soal selidik yang dibina sendiri oleh penyelidik dan dua set ujian penilaian bagi kursus Pengenalan Kepada Senireka Grafik. Set pertama ialah soalan bagi ujian Pra dan set kedua ujian bagi ujian Pasca. Soal selidik VARK digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai gaya pembelajaran pelajar bagi kedua-dua kumpulan.

Soal selidik yang dibina oleh penyelidik bertujuan untuk menguji samada pelajar mengetahui, mempunyai kefahaman dan dapat menggaplikasikan maklumat yang telah disampaikan melalui perisian multimedia yang dibangunkan berasaskan model VARK. Soal selidik ini dibina berdasarkan kepada domain kognitif dalam Taksonomi Bloom iaitu pengetahuan, kefahaman dan aplikasi. Soalan ujian Pra dan Pasca juga dibina menggunakan Taksonomi Bloom iaitu dalam dimensi pengetahuan, kefahaman dan aplikasi. Tujuan ujian digunakan ialah untuk menguji keberkesanan perisian multimedia yang dibangunkan oleh penyelidik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1 Soal selidik gaya pembelajaran

Terdapat berbagai instrumen yang telah dikenalpasti oleh penyelidik. Instrumen yang dikenalpasti ialah seperti *Visual, Aural, Read/write, and Kinesthetic Survey* (*VARK*) yang berasaskan Modaliti *Perceptual*, *Kolb's Learning Style Inventory* yang berasaskan Model Pemprosesan Maklumat oleh Kolb, D. A. (1984), *Carl Jung and Myres Briggs Type Indicator (MBTI)* yang dihasilkan oleh Carl Jung dan Myres Briggs (1900), dan *Howard's Gardner Multiple Intelligence* yang berasaskan Model Personaliti dihasilkan oleh Howard Gardner. Terdapat juga instrumen lain seperti *DiSC assesment (Carlson Learning) Managerial Grid dan Index of Learning Styles (ILS)* yang dihasilkan oleh Barbara A. Solomon dan Richard M. Felder (2004).

Soal selidik yang dipilih untuk mengenalpasti gaya pembelajaran ialah *Visual, Aural, Read/write, and Kinesthetic Survey (VARK)*. *Visual, Aural, Read/write, and Kinesthetic Survey (VARK)* menggunakan empat sensori penerima utama iaitu *Visual, Aural, Read/write* dan *Kinesthetic* untuk menentukan gaya pembelajaran yang utama. Mengikut model ini pelajar menggunakan keempat-empat sensori ini untuk menerima maklumat. Bagaimanapun, terdapat satu atau lebih gaya yang dominan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gaya pembelajaran yang dominan menentukan cara yang paling baik bagi pelajar mempelajari pengetahuan baru dengan menapis apa yang perlu dipelajari. Gaya ini mungkin tidak sama bagi semua tugas. Pelajar mungkin suka kepada satu gaya untuk satu tugas, dan kombinasi yang lain untuk tugas lain.

Model *Visual, Aural, Read/write* dan *Kinesthetic* mencadangkan pengajar mempersembahkan maklumat menggunakan keempat-empat gaya ini. Ini membolehkan pelajar tidak kira apa gayanya turut sama mengambil bahagian. Ia juga membolehkan pelajar didedahkan dengan lebih dari dua kaedah peneguhan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Instrumen ini dipilih sesuai dengan pembolehubah yang ingin dikaji. Tambahan pula instrumen ini sangat popular di barat pada masa kini. Kekuatannya ialah ianya agak ringkas dan sesuai dengan kebanyakan pelajar. Disebabkan *Visual, Aural, Read/write* dan *Kinesthetic* Survey *(VARK)* ringkas, analisa data lebih mudah dapat dilakukan dalam masa kajian yang terhad.

Disamping itu model ini juga sesuai kerana penyelidik akan membuat kawalan terhadap pembolehubah yang mengelirukan. Model ini hanya menumpukan kepada gaya pembelajaran berasaskan *Perceptual*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Modality. Ia sesuai untuk menentukan kaedah persembahan bahan pengajaran yang disukai oleh pelajar. Ia juga amat sesuai dengan strategi pembelajaran berasaskan multimedia yang penyelidik bangunkan kerana penyelidik akan membangunkan satu alat pengajaran dan pembelajaran.

Model lain tidak dipilih kerana penyelidik tidak ingin mengkaji pembolehubah lain yang mungkin mempengaruhi pencapaian pelajar seperti masalah belajar, latarbelakang akademik, tingkat kecerdasan, tabiat belajar, pengetahuan mengenai sesuatu perkara atau topik, umur, kematangan, bakat semulajadi, kerajinan, minat dan aras kesediaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Instrumen VARK juga dipilih kerana ia bersesuaian dengan persembahan kandungan multimedia yang berasaskan kepada modaliti, saluran (*channel*) dan antaramuka yang digunakan dalam persembahan multimedia. Mengikut Mark Elsom-Cook (2001) dalam bukunya "Principles of Interactive Multimedia", terdapat 3 modaliti dalam persembahan kandungan bahan perisian multimedia iaitu visual, *auditory*, dan *tactile*. Gabungan antara saluran ini membentuk satu komunikasi yang berhubung dengan input dan output. Ringkasannya adalah seperti dalam rajah 3.2. Berasaskan saranan Mark Elsom-Cook (2001), oleh itu instrumen VARK dipilih sebagai instrumen kajian bagi mengukur gaya


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran serta garis panduan dalam pembangunan perisian multimedia.

Rajah 3.2

Modaliti dalam perisian multimedia



Mengikut Neil Fleming (2001), soal selidik VARK memfokuskan kepada perhatian pelajar terhadap maklumat pengajaran yang disampaikan. Soal selidik dibina berdasarkan kepada pengalaman biasa dalam kehidupan seharian pelajar. Soalan yang disediakan oleh VARK juga adalah soalan yang tidak terlalu formal tetapi *neutral*. Olah itu pelajar akan lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berminat untuk mengisinya. Soalan VARK adalah berbentuk soalan pilihan. *Multimodality* adalah sesuatu yang diharapkan dipilih oleh pelajar dalam soalan ini walaupun biasanya pilihan modal seseorang bersifat tunggal. Dalam kebanyakan kes pelajar mempunyai berbagai pilihan mod dan mereka akan menggunakan strategi yang berhubung dengan pilihan mereka. Walau bagaimanpun ini bergantung kepada konteks dan keadaan.

Soal selidik VARK tidak mempunyai konsep yang abstrak. Item-item yang dibina adalah berdasarkan kepada hasil daripada respon dan perbincangan dengan pelajar. *Visual, Aural, Read/write and Kinesthetic* Survey *(VARK)* hanya menggunakan 13 soalan. Mengikut Neil Fleming (2001), jika terlalu banyak soalan digunakan iaitu lebih daripada 25 soalan sesetengah respoden tidak akan begitu serius mengisi soal selidik dan sesetengahnya akan merasa bosan atau memilih jawapan yang salah kerana soal selidik meletihkan mereka.

Soal selidik VARK mempunyai 4 dimensi yang dinilai iaitu pilihan Visual (V), Aural (A), Read/Write (R), dan Kinesthetic (K). Pilihan mod terbahagi kepada empat iaitu:

1. Visual (V), iaitu pilihan menerima maklumat berasaskan grafik dan simbol.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Aural (A), iaitu pilihan menerima maklumat yang berasaskan pendengaran.
3. Read/write (R), iaitu pilihan menerima maklumat yang berasaskan perkataan bertulis.
4. Kinesthetic (K), iaitu pilihan menerima maklumat yang berasaskan pengalaman dan latihan.

Soal selidik VARK terdiri dari soalan pelbagai pilihan (*multiple-choice*). Bagi setiap soalan pelajar boleh memilih lebih dari satu pilihan atau dimensi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.2 Soal selidik berdasarkan Taksonomi Bloom

Soal selidik yang digunakan bagi mengesan pencapaian objektif pembelajaran dibina oleh penyelidik sendiri berdasarkan kepada domain pengetahuan atau kognitif. Dimensi yang dilihat adalah dari segi pengetahuan, kefahaman dan aplikasi. Penerangan mengenai dimensi dalam Taksonomi Bloom adalah seperti di dalam jadual 3.6. Perincian pecahan item-item yang akan dinilai adalah seperti dalam jadual 3.5.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.4

Analisa item Aras Kognitif Pelajar

Pencapaian juga boleh di lihat berdasarkan aspek tertentu yang hendak diuji terhadap pelajar. Analisis dilakukan berdasarkan domain pembelajaran mengikut Taksonomi Bloom. Dengan melakukan ujian statistik terhadap domain pengetahuan, kefahaman, dan aplikasi pengkaji dapat melihat kesan penggunaan perisian multimedia berasaskan model gaya pembelajaran VARK. Seterusnya perbandingan antara kedua-dua perisian dapat dilakukan.

Dalam jadual 5.30 jika di lihat dari segi ketiga-tiga domain, didapati nilai min skor bagi domain pengetahuan sebanyak 3.30, nilai min skor bagi domain kefahaman sebanyak 4.40 dan bagi domain aplikasi sebanyak 6.80. Nilai min yang paling tinggi ialah dalam domain aplikasi. Ini menunjukkan bahawa kumpulan eksperimen dapat mengaplikasikan pengetahuan yang telah dipelajari dan mereka mempunyai kefahaman bagaimana untuk menggunakan pengetahuan yang telah dipelajari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.30

Skor ujian Pasca Pengenalan Kepada Rekabentuk Grafik mengikut domain pembelajaran kumpulan eksperimen

Bil	Nama	Skor bagi Pengetahuan (10m)	Skor bagi Kefahaman (10m)	Skor bagi Aplikasi (10m)	Jum. (30m)
1	Adli Putra	4	5	9	18
2	Amri	4	3	7	14
3	Khairul Izwan	3	2	9	14
4	Mohd Sharizam	3	3	10	16
5	Mohd Zuhaili	3	4	7	14
6	Muhammad Khairul	3	6	8	17
7	Noor Arzura	4	7	2	13
8	Nor Paiza	4	3	4	11
9	Priya	3	3	6	12
10	Santhy	2	8	6	16
	Min	3.30	4.40	6.80	14.5

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam jadual 5.31 jika di lihat dari segi ketiga-tiga domain, didapati nilai min skor bagi domain pengetahuan sebanyak 2.60, nilai min skor bagi domain kefahaman sebanyak 3.10 dan bagi domain aplikasi sebanyak 2.40. Nilai min yang paling tinggi ialah dalam domain pengetahuan dan yang paling rendah ialah dalam domain aplikasi. Ini menunjukkan bahawa kumpulan kawalan tidak dapat menggunakan pengetahuan yang telah mereka pelajari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.31

Skor ujian Pasca Pengenalan Kepada Rekabentuk Grafik mengikut domain pembelajaran kumpulan kawalan

Bil	Nama	Skor bagi Pengetahuan (10m)	Skor bagi Kefahaman (10m)	Skor bagi Aplikasi (10m)	Jum. (30m)
1	Ahmad Hafiz	3	3	2	8
2	Fahrol Anwar	3	5	3	11
3	Hazmin	3	1	2	6
4	Mohammad Azlan Shah	4	6	2	12
5	Mohd Faried	3	4	2	9
6	Mohd Hafiz	3	2	4	9
7	Mohd Junaidi	1	3	4	8
8	Nurul Aliah	2	3	2	7
9	Ponarasu	3	4	2	9
10	Siti Farah Wahida	1	0	1	2
	Min	2.60	3.10	2.40	8.3

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.8 Penilaian perisian

Jadual 5.32 menunjukkan dapatan hasil daripada analisis terhadap soal selidik yang melihat kepada penilaian terhadap domain kognitif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.32

Peratus bagi penilaian perisian bagi kumpulan eksperimen

Soal Selidik, 1 min	Ya	Tidak
Perisian membantu saya mengingat isi pelajaran?	62.5%	37.5%
Perisian membantu saya memahami pelajaran?	62.5%	37.5%
Perisian membantu saya mengaplikasikan teknik?	100.0%	0.0%

Bagi penilaian pelajar kumpulan eksperimen terhadap perisian pula menunjukkan bahawa perisian yang digunakan membantu pelajar mengingat pelajaran yang diajar, membantu pelajar memahami pelajaran dan mengaplikasikan teknik. 62.5% pelajar mengatakan bahawa perisian yang digunakan membantu mereka mengingat isi pelajaran dan memahami pelajaran. Semua pelajar bersetuju bahawa perisian membantu mereka mengaplikasikan teknik. Hasil dari penilaian ini membantu memperkuatkan dapatan kajian dalam melihat perbezaan pencapaian antara pelajar dari segi pengetahuan, kefahaman dan aplikasi. Oleh itu kesan yang paling kuat ialah pada domain aplikasi. Ia juga menunjukkan mengapa dalam domain tertentu terdapat perbezaan dari segi skor pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 6

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Pengenalan

Bab ini bermula dengan perbincangan berasaskan kepada hasil terhadap dapatan kajian. Kandungannya adalah mengenai had kajian, implikasi kajian, cadangan-cadangan, cadangan kajian masa hadapan dan rumusan.

6.1 Perbincangan

Kajian ini mendapati pelajar mempunyai pelbagai dimensi gaya pembelajaran. Walau bagaimanapun jika di lihat secara keseluruhan gaya pembelajaran pelajar adalah berasaskan kepada multimodal mengikut algoritma VARK. Hasil kajian ini konsisten dengan kajian yang dilakukan oleh Alina Zapalska & Helen Dabb (1999) yang menunjukkan bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza-beza. Walau bagaimanapun tidak terdapat perbezaan dari segi jantina antara pelajar lelaki dan perempuan jika di lihat mengikut profil V, A, R dan K dalam kedua-dua kumpulan.

Kajian ini juga mendapati terdapat perbezaan dalam skor pencapaian dimana tahap pencapaian dalam domain pembelajaran tertentu berbeza. Pelajar yang didedahkan kepada perisian multimedia yang direkabentuk berasaskan model gaya pembelajaran VARK mendapat skor pencapaian yang lebih baik daripada pelajar yang menggunakan perisian multimedia yang sedia ada. Dapatan ini konsisten dengan pendapat Denice Byrne (2002), yang mendapati wujud hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran dan ciri-ciri persembahan multimedia yang dipilih apabila gaya pembelajaran dikenal pasti dengan menggunakan soal selidik VARK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun terdapat perbezaan dari segi skor antara kedua kumpulan tetapi penyelidik sedar bahawa terdapat berbagai pembolehubah lain yang terlibat yang mungkin mempengaruhi kewibawaan dapatan terutamanya kesahan dan kebolehpercayaan alat ujian. Antaranya ialah seperti pengajaran, pengalaman, perkembangan individu-tahap umur dan perkembangan psikologi/fisiologi, kecerdasan, kaitan item dengan kandungan yang diuji, masa yang diperuntukkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan aras kesukaran item ujian. Aras kesukaran item diuji dengan menggunakan formula berikut:

$$A = \frac{T_b + R_b}{T+R}$$

T = jumlah bilangan murid kumpulan Tinggi

R = jumlah bilangan murid kumpulan Rendah

T_b = bilangan murid kumpulan Tinggi yang betul

R_b = bilangan murid kumpulan Rendah yang betul

Oleh itu A ialah (146 + 83)/(10 X 30) + (10 x 30)=228/600 = 0.38

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

Oleh itu aras kesukarannya ialah 38%. Mengikut Mohd Najib (1997), aras kesukaran antara 30-70% adalah aras yang boleh diterima. Ini menunjukkan soalan tidaklah terlalu senang atau terlalu susah. Oleh kerana itu maka kebolehpercayaan ujian tidak diragui dan ujian boleh digunakan.

Jika dibandingkan ketiga-tiga domain pembelajaran, skor yang tertinggi bagi kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan adalah bagi domain aplikasi, diikuti dengan kefahaman, dan yang paling rendah adalah pengetahuan. Fenomena ini dapat diterangkan dengan menggunakan kaedah multimodal atau *tringulation*. Dari soal-selidik yang diberikan kesemua pelajar dari kumpulan eksperimen bersetuju

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa perisian yang digunakan dapat membantu mereka mengaplikasikan teknik. Tetapi hanya 65% yang bersetuju bahawa perisian yang digunakan dapat membantu mereka mengingat dan memahami pengajaran. Temu bual yang dijalankan kepada kedua-dua kumpulan juga menunjukkan bahawa cara pengajaran pensyarah di kedua-dua kelas adalah sama.


Seterusnya perbezaan ini juga dapat diterangkan dengan penelitian terhadap pembolehubah luar seperti *rentention* semasa episod pembelajaran. Mengikut Sousa (1995), dalam masa pengajaran berlaku *retention* pada pembelajaran. Tumpuan yang diberikan pelajar biasanya pada *prime time 1* (20 minit pertama) dan *prime time 2* (10 minit terakhir). Dalam kes ini kemerosotan tumpuan akan berlaku pada masa kira-kira 90 minit. Pada *prime time 1* pelajar akan menggunakan domain pengetahuan iaitu mengenai definisi rekaletak dan fungsinya. Walaupun pada masa ini tumpuan perhatian pelajar masih tinggi tetapi oleh kerana domain ini memerlukan daya ingatan maka ini mungkin menyebabkan skor pada bahagian pengetahuan yang lebih rendah daripada kefahaman. Di antara *prime time 1* dan *prime time 2* pelajar akan menggunakan domain kefahaman dan pada *prime time 3* pelajar akan menggunakan domain aplikasi. Di antara *prime time 1* dan *prime time 2* tumpuan pelajar telah menurun. Ini mungkin menyebabkan skor yang diperolehi lebih rendah dari bahagian aplikasi. Skornya lebih tinggi dari bahagian pengetahuan kerana pelajar akan dapat menuliskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

semua apa yang difahami. Pada *prime time 2* pula skor pelajar lebih tinggi mungkin disebabkan pelajar menumpukan perhatian pada masa akhir pengajaran.

Rajah 6.1 Model Sousa



6.2 Had kajian

Keadaan kita kajian dijalankan telah membataskan metodologi kajian dari segi penggunaan sampel. Saiz sampel yang kecil mungkin mempengaruhi dapatan kajian. Ini adalah kerana seorang individu atau pelajar menyumbang jumlah skor yang besar bagi skor markah keseluruhan. Jika sampelnya lebih besar maka dapatan akan menjadi lebih kukuh terutamanya dari segi mengukur pencapaian ujian. Maka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hasil kajian hanya boleh dijelaskan berdasarkan teori atau model yang sedia ada.

Faktor masa juga mungkin mempengaruhi kesan kajian. Oleh kerana masa yang terhad maka proses pelajar didedahkan dengan perisian adalah terhad. Jika kajian dapat dijalankan dalam tempoh masa yang lebih lama mungkin lebih tinggi dan perbezaan akan dapat di lihat dengan lebih ketara.

Dalam kajian ini kawalan terhadap pembolehubah luar adalah di luar kuasa penyelidik sepenuhnya walaupun penyelidik telah menerangkan kepada pensyarah berkenaan mengenai pembolehubah yang perlu dikawal. Contohnya pembolehubah seperti kedatangan semasa proses pengajaran dan ujian, gangguan dari pihak pengurusan, suhu bilik kuliah serta tumpuan perhatian pelajar ketika didedahkan dengan perisian multimedia yang dibangunkan oleh penyelidik, cara pensyarah mengendalikan kedua-dua kelas (masa yang diperuntukkan) dan pembolehubah moderator yang lain (Fong Soon Fook, Ng Wai Kong dan Wan Mohd Fauzy, 2001). Penyelidik hanya dapat menjalankan temu bual tetapi keadaan yang sebenarnya tidak diketahui dengan jelas. Bagaimanapun ada beberapa pembolehubah yang berjaya dikawal oleh penyelidik iaitu seperti kebolehan akademik pelajar dan pengetahuan sedia ada.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.3 Implikasi kajian

Kajian ini telah mencungkil maklumat-maklumat terkini berkaitan dengan gaya pembelajaran pelajar jurusan Senireka Grafik Berkomputer bagi kursus Pengenalan Kepada Senireka Grafik di Institut Teknologi Cosmopoint, Cawangan Klang. Kajian ini memberi maklumat mengenai perbezaan dari segi gaya pembelajaran pelajar dan cara mereka menerima maklumat dalam proses pembelajaran.

Maklumat-maklumat ini juga dapat dimanfaatkan oleh pelajar untuk memahami dan mengenal pasti gaya pembelajaran yang dipilih mereka. Oleh itu pelajar akan dapat menggunakan maklumat ini bagi memilih kaedah atau cara belajar yang sesuai dengan gaya pembelajaran mereka. Ia juga dapat membebaskan pelajar dari terus belajar dengan menggunakan cara belajar yang tidak sesuai dengan kebolehan mereka. Dengan persaingan yang semakin tinggi dari segi pencapaian akademik bagi menceburi bidang pekerjaan maka pelajar harus menggunakan kaedah pembelajaran yang sistematik supaya pencapaian akademik meningkat.

Maklumat dari kajian ini juga dapat digunakan oleh guru, fasilitator, pensyarah, dan Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memahami gaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran pelajar serta membangunkan perisian multimedia yang sesuai dengan keperluan pelajar.

Dapatan daripada kajian ini mempunyai implikasi secara langsung kepada proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan perisian multimedia. Ia juga mempunyai implikasi dalam pembangunan perisian multimedia bagi kegunaan di dalam sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran. Pendidikan tinggi bagi program pendidikan. Dengan melaksanakan kajian ini pengkaji dapat melihat kelemahan perisian yang sedia ada dan dapat mencadangkan perisian yang sesuai bagi penggunaan pelajar dalam satu-satu sesi pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya satu garis panduan mungkin boleh dibina sebagai panduan dalam merekabentuk perisian yang benar-benar memenuhi objektif keperluan pengguna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.4 Cadangan-cadangan

Hasil kajian yang menunjukkan kaitan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian pelajar membawa implikasi yang besar kepada aspek pembelajaran, pengajaran dan pembangunan perisian. Kajian ini menunjukkan model gaya pembelajaran VARK bersesuaian dengan keadaan dan ciri pelajar di Malaysia. Ia juga mencadangkan satu lagi unsur yang penting dalam pembangunan perisian multimedia iaitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian mengenai gaya pembelajaran dan cara bahan pembelajaran dipersembahkan.

Secara keseluruhan kajian telah menghasilkan beberapa maklumat yang penting mengenai perbezaan dari segi gaya pembelajaran pelajar jurusan Senireka Grafik Berkomputer bagi kursus Pengenalan Kepada Senireka Grafik di Institut Teknologi Cosmopoint, Cawangan Klang yang disebabkan oleh perbezaan cara menerima maklumat dalam proses pembelajaran.

Maklumat yang didapati dari kajian ini memberi manafaat kepada pembangun perisian terutamanya pembangunan perisian di Bahagian Teknologi Pendidikan dalam membangunkan perisian multimedia bagi tujuan digunakan di dalam proses pembelajaran untuk sekolah-sekolah di Malaysia. Ia juga memberi kesedaran bahawa gaya pembelajaran pelajar adalah salah satu faktor yang amat penting dalam proses rekabentuk perisian kursus multimedia selain hanya menumpukan kepada model instruksi.

Bagi pensyarah pula, maklumat yang didapati dari kajian dapat digunakan bagi merekabentuk pengajaran dengan mengambilkira kepelbagaian gaya pembelajaran pelajar. Maklumat mengenai gaya pembelajaran pelajar dapat digunakan bagi merancang penggunaan gaya pengajaran yang sesuai dengan pelajar. Seterusnya objektif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keperluan pelajar akan dapat dikenal pasti. Bagi pelajar pula maklumat dari kajian ini boleh membantu mereka mengenal pasti gaya pembelajaran dan belajar mengikut gaya yang sesuai dengan mereka.

Alat ukuran VARK adalah satu alat ukuran yang penting yang dapat membantu pembangun perisian dan pengajar mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar dan cara mereka menerima maklumat dalam proses pembelajaran. Dalam konteks Sekolah Bestari di mana ciri individu setiap pelajar diambil kira serta berpusatkan murid, maklumat kajian ini sangat berguna bagi fasilitator mengenal pasti perbezaan dari segi individu pelajar. Ciri-ciri yang terkandung dalam alat ukuran ini juga bersesuaian dengan ciri-ciri pelajar di negara ini. Oleh kerana alat ukuran ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi serta sesuai digunakan dalam konteks pembelajaran di Malaysia maka dicadangkan penggunaan alat ukuran ini diperluaskan penggunaannya. Dengan demikian ia boleh menjadi satu alat ukuran alternatif kepada alat-alat ukuran lain untuk mengukur gaya pembelajaran pelajar.

Akhirnya hasil dari maklumat kajian, adalah digalakkan penyelidikan yang lebih banyak dilakukan terhadap aspek gaya pembelajaran pelajar kerana ianya amat penting dalam konteks pembelajaran di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.5 Cadangan kajian masa hadapan

Pada masa hadapan kajian perbandingan mungkin boleh dijalankan antara inventori VARK dengan berbagai instrumen gaya pembelajaran lain bagi mengenal pasti model yang paling sesuai dengan keperluan tempatan. Seterusnya kajian juga boleh dilakukan dengan melihat kepada penggunaan VARK secara menyeluruh bukannya *reductive*. Kajian juga boleh dilakukan mengenai penyelarasan antara gaya pembelajaran dengan gaya pengajaran.

Kajian yang lebih baik dapat dilakukan jika masa yang diperuntukkan adalah lebih lama, pendedahan pelajar kepada perisian sehingga ia biasa dengannya misalnya sebanyak 5 kali, pengawalan yang teliti ke atas pembolehubah luar dan pembolehubah moderator, saiz sampel yang lebih besar.

6.6 Rumusan

Tujuan penyelidikan ini ialah untuk memberikan maklumat mengenai gaya pembelajaran pelajar menggunakan inventori VARK. Para pendidik digalakkan supaya melihat rujukan yang terdapat dalam kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini untuk mendapat maklumat yang lebih mendalam mengenai isu gaya pembelajaran yang dikaji oleh penulis.

Akhir kata instrumen gaya pembelajaran VARK ialah alat ukuran yang banyak digunakan oleh pengkaji di luar negara bagi mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar. (Dan Jensen & Kristin Wood, 1997; Alina Zapalska & Helen Dabb, 1999; Denice Byrne, 2002; Chrysante Demetry, 2002; W. A. Janvier & Claude Ghaoui, 2002; Rod St Hill, 2002; Bozidar Klicek, Marijana Zekic Susac, & J.J. Strossmayer, 2002). Model VARK mempunyai potensi bagi digunakan dalam mengembangkan teori, model dan prinsip dalam teknologi pengajaran dan proses pembelajaran. Maka kajian mengenainya perlu dijalankan dengan lebih banyak lagi terutamanya dalam pembangunan perisian multimedia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

A. Lourdusamy (1998). *Perbezaan Gaya Kognitif Individu dan Implikasinya Terhadap Pendidikan.* Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia. Diperoleh daripada http://www.lib.usm.my/press/SSU/lourd

An Overview: *Choosing the Correct Statistical Test.* Diperoleh daripada http://www-users.cs.umn.edu/~ludford/stat_overview.htm

Angela F. L Wong (2000). *Principle of Visual Learning.* Singapore: Pearson-Prentice Hall.

Amir Awang (1986). *Teori-teori Pembelajaran.* Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Bashah Abu Bakar (2003). *Asas Pengukuran Bilik Darjah.* Tanjong Malim: Quantum Books.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bloom, B. S. (1968). *Learning for Mastery.* (UCLA-CSEIP), Evaluation Comment.

Bloom, B. S. (1956). *Taxonomy of Educational Objectives: Cognitive Domain.* New York: David Mckay.

Bochert, A (1999). *Learner Diversity.* Kent State University. Diperoleh daripada http://www.personal.kent.edu/~abochert/html/diversity.html

Bonham, A.L. (1988). *Learning Style Use: In Need of Perspectives. Lifelong learning.*

Boyle, T. (1997). *Design for Multimedia Learning.* UK: Prentice Hall Europe.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Byrne, D. (2002). *A Study Of Individual Learning Styles And Educational Multimedia Preferences: An Experiment using Self-Directed Online Learning Resources*. Ireland: Dublin City University.

Chan Foong Mae (2000). *Penggunaan Pelbagai Strategi dalam Pengajaran dan Pembelajaran: "Bilik Darjah Terbeza" untuk Pelbagai Gaya Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Chee Kim Mang (2002). *Satu Kajian Tentang Pendekatan Pembelajaran Di Kalangan Pelajar-Pelajar Ekonomi di Universiti Sains Malaysia*. Maktab Perguruan Persekutuan Pulau Pinang. Diperoleh daripada http://www.geocities.com/penyelidikanm4p/chee-usm.html

Conner, L., M. (2003). *Learning Styles Assessment, Ageless Learner*. Diperoleh daripada http://agelesslearner.com/assess/learningstyle.html

Continuous Variable. Diperoleh daripada http://davidmlane.com/hyperstat/A97418.html

Davis, E. J. (2003). *Usability and the Next Mindleaders Interface. USA : MindLeaders*. Diperoleh daripada http://www.mindleaders.com/pdfs/September_Gen_White Paper.pdf

Demetry, C. (2002). *Understanding Interactions Between Instructional Design, Student Learning Styles, and Student Motivation and Achievement in An Introductory Material Science Course*. Boston: Worcester Polytechnic Institute. Diperoleh daripada http://file.enrg.pitt.edu/fie2002/papers/1245.pdf

Donald R. Clark. (2000).*Big Dog's Leadership Page*. Diperoleh daripada http://www.nwlink.com/~donclark/leader/leadtem2.html

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dunn and Dunn (1978), *Teaching Students Through Their Individual Learning Styles: A Practical Approach. Virginia*: Reston Publishing Co. Inc.

Ee Ah Meng (1994). *Murid dan Proses Pembelajaran: Asas Pendidikan 2*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Ee Ah Meng (1994). *Psikologi Dalam Bilik Darjah*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti.

Ellington, H. & Baharuddin Aris (2000). *A Practical Guide to Instructional Design*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Elsom-Cook, M (2001). *Principles of Interactive Multimedia*. UK: McGraw-Hill.

Experimental Design. Diperoleh daripada http://www.guam.net/pub/sshs/depart/science/mancuso/apbiolecture/01_courseintro/expdesign.htm

Felder, R. M. (1996). *Matters of Style*. Diperoleh daripada http://www.ncsu.edu/felder-public/Papers/LS-Prism.htm

Fleming, N (1995). *I'm Different; Not Dumb. Modes of Presentation (VARK) in the Tertiary Classroom*. Australia: HERDSA.

Fleming, N (1999). *How to Understand and Use the VARK Results." The VARK Active Learning Site*. Diperoleh daripada http://www.active-learning-site.com/study.html

Fleming, N. (2001). *Vark: A Guide to Learning Styles*. Diperoleh daripada http://www.vark-learn.com/english/page.asp? p=whatsnew

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fong Soon Fook, Ng Wai Kong & Wan Mohd. Fauzy. (2001). *Kesan Persembahan Grafik Komputer di kalangan Pelajar Pelbagai Tahap Kebimbangan.* Pulau Pinang: USM.

Garner, I. *The Development of Total Learning Style Inventory Scores*. Sheffield Hallam University : New Page. Diperoleh daripada http://www.elsinnet.org.uk/abstracts/ 2000/2-garn.htm

Heleba, D. A. *Learning-Style Inventory*. Diperoleh daripada http://pss.uvm.edu/pss162/learning_styles.html

Hill, R. S. (2002). Modal Preference in a Teaching Strategy. Australia : University of Southern Queensland. Diperoleh daripada http://www.tedi.uq.edu.au/conferences/teach_conference00/papers/st-hill.html

Hopkins, W., G. (200). *A New View of Statistics*. Diperoleh daripada http://www.sportsci.org/resource/stats/ssdetermine.html

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ibrahim Mamat (1996). *Rekabentuk dan Pengurusan Latihan: Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Iran Herman (2002). *Analisis Perbandingan Dua Kumpulan*. Kedah: Penerbitan Ustara.

Jamaluddin Harun & Zaidatun Tasir (2003). *Multimedia dalam Pendidikan.* Pahang: PTS Publication and Distributors Sdn Bhd.

Janvier, W. A. & Ghaoui, C. (2002). *Communication Preference and Learning Styles in HCI.* UK: Liverpool John Moores University. Liverpool. Diperoleh daripada http://www.cogs.susx.ac.uk/lab/hct/hctw2002/papers/Janvier.pdf

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jensen, D. & Wood, K. (2000). *Incorporating Learning Styles to Enhance Mechanical Engineering Curricula by Restructuring Courses, Increases Hands-on Acrivities, and Improvement Team Dynamics*. Diperoleh daripada http://www.asme.org/educate/cia

Kemp, J.D. (1985). *The Instructional Design Process*. New Jersey: Eaglewood Cliff. Educational Technology Publications.

Kolb, D. A (1976). *Learning Style Inventory*. Boston: McBer.

Klicek, B., Susac, M., Z. & Strossmayer, J. J. (2001). *Toward Integrated and Revised Learning Styles Theory: Supported by Web and Multimedia Technologies*. University of Osijek, University of Zagreb.

Lau T. K. & Zainuddin Awang (2001). *Statistik Asas UiTM*. Shah Alam: Fajar Bakti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lee Min Foong & Rio Sumarni Shariffudin (2001). *Hubungan Pola Gaya Pembelajaran Pelajar dan Gaya Pengajaran Guru Di Kalangan Pelajar Dan Guru Sekolah Menengah Akademik Daerah Johor Bahru- Satu Kajian Kes*. Skudai: UTM.

Leeper, J.D. (2000). *Choosing the Correct Statistical Test*. University of Alabama. Diperoleh daripada http://bama.ua.edu/~jleeper/627/choosestat.html

Levin, R.I. & Rubin, D.S. (2003). *Statistik Untuk Pengurusan*. Selangor: Prentice Hall.

Mayer, R. E. (2001). *Meaningful Learning from Words and Pictures: An Educational Psychology of Multimedia*. USA: American Psychological Association.

Miller, P. (2002), *Learning Styles : The Multimedia of the Mind*. Diperoleh daripada http://www.ascd.org/educationnews/eric/learning stylesabs.html

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

McKeachie, W.J. (1995). *Learning Style Can Become Learning Strategies*. The National Teaching and Learning. USA : University of Michigan.

Merill, M. D. (2002). Reclaiming the Discipline of Instructional Design. USA : Utah State University.

Misnan Jemali, Ibrahim Hashim, Ahmad Yunus Kasim & Mohamad Nasir Bistamam (2001). *Kajian Mengenai Hubungan antara Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Akademik Kursus Tamadun Islam di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim*. Diperoleh daripada http://ppp.upsi.edu.my/img/srmisnan.pdf

Mohd Salleh Abu & Zaidatun Tasir (2001). *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0*. Kuala Lumpur: Venton Publishing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mohd. Majid Konting (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Najib Ghafar (1997). *Pembinaan dan Analisis Ujian Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Daud Hamzah (1993). *Pembelajaran dan Implikasi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mokhtar Ismail (1995). *Penilaian di Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Naibaho, T. & Murwonugroho, W. (1998). *Metodologi Riset: Senirupa & Desain*. Jakarta: Penerbitan Universitas Trisakti.

Nor Azlan Hasmadi Ismail (1997). *Kajian Gaya pembelajaran di Kalangan Pelajar-pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

di Daerah Pekan, Pahang Darul Makmur. Pulau Pinang: USM. Diperoleh daripada http://www.lib.usm.my/tesis2/b59.htm

Oblinger, D. (1993). *Multimedia in Instruction*. Chapel Hill, NC: The Institute for Academic Technology.

Paragon Learning Style Inventory. (2000). *Four Dimensions*. Diperoleh daripada http://www.calstatela.edu/faculty/jshindl/plsi/4dimen.htm

Peck, D.D. (1998). *Multimedia: A Hands-on Introduction*. New York: Delmar Publisher.

Philips, R. (1997). *The Developers Handbook of IMM: A Practical Guide for Educational Appilcations*. USA: Kogan Page Limited.

Rao, G. S., Rao, A. K., Zoraini Wati Abas & Wan Fauzy Wan Ismail (1991). *Pembelajaran Berbantukan Komputer*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Rohana Yusof (2003). *Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Distributors Sdn Bhd.

Rosenberg, M., J . (2000). *E-Learning*. New York: McGraw-Hill.

Sidek Mohd Noh (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Shindler, J. (2000). *Learning Styles Resource Page*. Diperoleh daripada http://www.calstatela.edu/faculty/jshindl/teaching/lstyle.htm

Shuman, J. (2003). *Multimedia Concepts*. USA : Thomson Learning Inc.

Sivaragnanam, G. *Student's 't' Test*. Diperoleh daripada http://www.ijp-online.com/Workshop/t&Wilcox.doc

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Smith, P. J. (1983). *Learning Styles: An Example of Some Research Towards Meeting Resource Based Learning Needs.* USA: Gordon Technical College.

Sousa, D. A. (1995), How the Brain Learns. Virginia: The National Association of Secondary School Principles.

Spitzer, D. R. (1991). *Instructional Perfomance Technology Competencies.* USA : UMI.

Sulaiman Masri (2003). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (Esei, Proposal, Tesis).* Kuala Lumpur: Utusan Publication Distributors Sdn Bhd.

Sulaiman Ngah Razali (2001). *Pedagogi : Teori dan Praktik.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tuckman, B.W. (1979). *Conducting Educational Research.* USA: Wadsworth Publishing.

Tuckman, B.W.(1992). *Educational Psychology: From Theory to Application.* Fortworth College: Hart Court Br.

UCLA Academic Technology Services. *Choosing the Correct Statistical Test in SAS.* Diperoleh daripada http://www.ats.ucla.edu/stat/mult_pkg/whatstat/default.htm

Uma Sukaran (1992). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach.* New York: John Wiley & Sons, Inc.

Ismail Zain (2003). *Aplikasi Multimedia dalam Pengajaran.* Kuala Lumpur: Utusan Publication Distributors Sdn Bhd.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Vision, Auditory, and Kinesthetic Survey. Diperoleh daripada http://www.nwlink.com/~donclark/hrd/vak.html

Williams, M. D. (2000). *Integrating Technology into Teaching and Learning.* Singapore: Prentice Hall.

Wheeler (1980). *ICT and The Changing Role of The Teacher.* USA: Journal of Educational Media.

Yusuf Hashim (2001). *Rekabentuk dan Sistem Instruksi*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Distributors Sdn Bhd.

Zapalska, A. & Dabb, H. (1999). *Improving The Quality of Students Learning in US and New Zealand Undergraduate Business Course*. Diperoleh daripada http://www.nwlink.com/~donclark/leader/leadtem2.html

Zol Bahri Razali (2003). *Pembelajaran Berbantu Multimedia*: Implikasi Pembelajaran Subjek Kejuruteraan Mekanikal. KUKUM.

Zulkarnaian Zakaria & Hishamuddin Md. Som (2001). *Analisis Data Menggunakan SPSS Windows.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lampiran A

Ujian

(30 markah)
Masa: 30 minit

ARAHAN:
Jawab **SEMUA** soalan dibawah. Gunakan kertas jawapan yang disediakan.

---

1. Berikan definisi rekaletak dan nyatakan fungsinya secara ringkas.

(10 m)

2. Terangkan mengenai fungsi ilustrasi dan tipografi dalam rekaletak iklan.

(10 m)

3. Dengan merujuk kepada salah dari format rekaletak hasilkan satu rekaletak semi-komprehensif satu iklan cetak yang mempromosikan kursus-kursus di Kolej Teknologi Cosmopoint. Nyatakan secara ringkas format rekaletak yang anda gunakan. Gunakan pensil dalam lakaran anda.

(10m)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lampiran B

Kolej Teknologi Cosmopoint Cawangan Klang

Soal selidik ini bertujuan mendapatkan maklumat mengenai cara anda menerima maklumat. Anda dianggap mempunyai satu gaya pembelajaran yang disukai dan salah satu dari gaya pembelajaran merupakan pilihan anda dalam mendapatkan maklumat.

Pilih jawapan yang paling sesuai dengan fikiran/kebiasaan atau minat anda. Anda boleh memilih lebih dari satu jawapan, jika anda sukar menentukan pilihan mana yang paling anda sukai.

Tinggalkan kosong bagi soalan yang tidak dipilih.

Anda hendak memberi petunjuk kepada kenalan anda. Dia sekarang tinggal di hotel. Dia ingin berkunjung ke rumah anda nanti. Dia menggunakan kereta sewa. Apakah anda:

- ☐ menggambarkan satu peta pada secarik kertas.
- ☐ menyebutkan jalan yang harus ditempuhi
- ☐ menuliskan jalan yang harus ditempuhi
- ☐ menjemputnya di hotel untuk kemudian membawanya menggunakan dengan kereta anda

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Anda tidak yakin apakah suatu perkataan dituliskan "syaraf" atau "saraf". Apakah anda akan:

   - ☐ mencarinya di kamus.
   - ☐ mengingat-ingatkannya dan kemudian menulis yang terasa lebih tepat
   - ☐ membunyikannya dalam fikiran
   - ☐ menulis kedua-duanya pada sehelai kertas lalu memilih salah satu darinya

2. Anda baru saja menerima daftar acara perjalanan mengelilingi dunia. Anda ingin mnarik menarik perhatian seseorang. Apakah yang anda lakukan. ?

   - ☐ segera menelefonnya dan memberitahunya tentang daftar tersebut
   - ☐ mengirimnya salinan daftar acara tersebut
   - ☐ menunjukkan kepadanya peta dunia
   - ☐ memberitahu dia apa-apa yang anda akan lakukan di tempat-tempat yang anda kunjungi nanti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Anda akan memasak sesuatu yang istimewa untuk keluarga anda. Apa yang anda akan lakukan.

- ☐ memasak masakan yang biasa anda masak tanpa memerlukan petunjuk
- ☐ membuka-buka buku resepi makanan untuk mencari idea dari gambar-gambar yang ada
- ☐ membuka buku masakan tertentu yang berisi resepi=resepi makanan yang enak

4. Sekumpulan pelancong diserahkan kepada anda untuk mencari taman safari atau taman hutan simpan . Anda akan:

- ☐ membawa mereka terus ke suatu taman safari ataupun taman hutan simpan
- ☐ menunjukkan kepada mereka sejumlah mereka slaid dan fotograf.
- ☐ memberikan mereka risalah ataupun buku tentang beberapa taman safari ataupun taman hutan simpan.
- ☐ menceritakan kepada mereka beberapa taman safari ataupun taman hutan simpan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. Anda akan membeli suatu peralatan stereo yang baru. Selain harganya, apa yang menjadi pertimbangan anda?

- ☐ hal-hal yang diterangkan si penjual yang anda ingin tahu
- ☐ membaca dengan teliti buku pedoman tentang alat itu
- ☐ mencuba-cuba tombol kendalinya dan mendengarkan hasilnya
- ☐ penampilan alat yang rapi dan tidak ketinggalan zaman

6. Ingatkan saat ketika anda belajar tentang sesuatu yang baru yang tidak memerlukan ketrampilan fizik, misalnya bermain monopoli. Bagaimanakah cara yang terbaik bagi anda belajar ?

- ☐ melihat tanda-tanda pedoman yang berupa gambar, mahupun daftar
- ☐ membaca petunjuk bertulis yang ada
- ☐ mendengarkan kepada seseorang yang sedang memberikan penjelasan
- ☐ anda akan mencubanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7. Anda menderita gangguan mata. Apa yang anda harapkan dari doktor?

   ☐ memberitahu apa yang terganggu
   ☐ menunjukkan kepada anda diagram tentang apa yang terganggu
   ☐ menggunakan model mata untuk untuk menjelaskan apa yang terganggu.

8. Untuk computer anda, anda akan mempelajari suatu progam baru. Apakah yang anda akan lakukan?

   ☐ duduk di depan papan kekunci lalu mencuba-cuba kemampuan progam itu
   ☐ membaca petunjuk yang disertakan dengan progam itu
   ☐ menelefon teman untuk bertanya tentang progam itu

9. Anda tinggal di suatu hotel dan telah menyewa kereta. Anda akan ingin mengunjungiteman-teman anda yang alamatnya belum diketahui. Apakah anda akan meminta mereka:

   ☐ menggambarkan peta pada secark kertas untuk anda
   ☐ menerangkan arah perjalanan
   ☐ menulis arahan perjalanan tanpa menggunakan peta
   ☐ menjemput anda dengan kereta mereka

10. Selain daripada harga, apakah faktor yang besar pengaruhnya dalam menentukan pilihan untuk membeli suatu buku pelajaran?

    ☐ anda pernah menggunakannya sebelum ini
    ☐ ada teman yang memberitahu tentang buku itu
    ☐ membaca dengan cepat sebahagian daripada isinya
    ☐ buku itu menarik bentuknya

11. Filem baru akan ditayangkan di bandar anda. Apakah yang paling mempengaruhi anda untuk memutuskan sama ada anda akan menonton atupun tidak?

    ☐ anda pernah mendengar ulasan tentang filem yang dimaksudkan
    ☐ anda telah membaca ulasan tentang filem tersebut.
    ☐ anda pernah melihat tayangan promosinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

12. Anda lebih memilih pensyarah atau guru yang menggunakan:

- ☐ buku teks, handouts, bahan bacaan
- ☐ diagram, daftar/jadual, dan slaid
- ☐ kunjungan lapangan, sesi makmal, kegiatan-kegiatan parktikum
- ☐ diskusi, pensyarah jemputan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lampiran C

Soal selidik 1 minit bagi penilaian perisian.

Tandakan ✓ pada pilihan jawapan anda.

Soalan	Ya	Tidak
Perisian membantu saya mengingat isi pelajaran		
Perisian membantu saya memahami pelajaran		
Perisian membantu saya mengaplikasikan teknik		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tarikh : 1 Mac 2004

Sharuddin bin Awang Kechil
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim,
Perak.

Tuan / Puan :

KEBENARAN MELAKUKAN KAJIAN

Merujuk perkara di atas, saya selaku Pengurus Cawangan Institut Teknologi Maklumat Cosmopoint (Cawangan Klang), membenarkan pelajar bernama Sharuddin bin Awang Kechil, no I.C. 670911085133 untuk menjalankan penyelidikan di Institut Teknologi Cosmopoint, Cawangan Klang.

Terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

.....
MOHD SHAFIE ABDHAMID
PENGURUS CAWANGAN
COSMOPOINT KLANG

COSMOPOINT SDN. BHD. KLANG (226112-K)